

Bil. S 42

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah di bawah bab 83(3))

**PERINTAH DARURAT (KONVENSYEN TOKYO), 2000**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraihan (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Konvensyen Tokyo), 2000.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk menguatkuasakan Konvensyen mengenai kesalahan-kesalahan dan perbuatan-perbuatan lain tertentu yang dilakukan di dalam pesawat terbang, yang telah ditandatangani di Tokyo pada 14 haribulan September, 1963".

**Tafsiran.**

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"pesawat terbang" bermakna mana-mana pesawat terbang, sama ada sesebuah pesawat terbang kawalan Brunei atau tidak, selain dari —

(a) sesebuah pesawat terbang tentera; atau

(b) sesebuah pesawat terbang yang, bukannya pesawat terbang tentera, khas digunakan dalam perkhidmatan Kerajaan;

"pesawat terbang kawalan Brunei" bermakna sesebuah pesawat terbang —

(a) yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam; atau

(b) yang, berdaftar di negara lain, telah dicarterkan dengan demis kepada seseorang yang, atau kepada orang-orang yang masing-masing, memenuhi kehendak-kehendak yang berikut —

(i) bahawa dia seorang yang layak menjadi pemilik suatu kepentingan di sisi undang-undang atau berfaedah ke atas

sesebuah pesawat terbang yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam; dan

- (ii) bahawa dia bermastautin atau mempunyai tempat perniagaannya yang utama di Negara Brunei Darussalam;

"komander", berkenaan dengan sesebuah pesawat terbang, bermakna anggota krew yang telah ditetapkan sebagai komander pesawat terbang itu oleh orang yang pada masa itu menjalankan pengurusannya atau, jika orang itu tidak ada, orang yang pada masa itu bertanggungjawab memandu pesawat terbang itu tanpa berada di bawah arahan mana-mana juruterbang lain dalam pesawat terbang tersebut;

"pegawai konsul" bermakna seseorang pegawai konsul, konsul agung, konsul, pro-konsul atau wakil konsul Negara Brunei Darussalam;

"negara Konvensyen" bermakna sesebuah negara yang pada masa itu telah diisytiharkan oleh Menteri, dengan kenyataan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, telah meratifikasi atau menyertai Konvensyen Tokyo;

"pegawai imigresen" bermakna seseorang yang dilantik di bawah bab 3 dari Akta Imigresen (Penggagal 17);

"mendarat" termasuk mendarat di atas air;

"pesawat terbang tentera" bermakna sesebuah pesawat terbang tentera laut, darat atau udara mana-mana negara;

"Konvensyen Tokyo" bermakna Konvensyen mengenai kesalahan-kesalahan dan perbuatan-perbuatan lain tertentu yang dilakukan di dalam pesawat terbang, yang telah ditandatangani di Tokyo pada 14 haribulan September, 1963.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini, tempoh sesebuah pesawat terbang dalam penerbangan hendaklah dianggap termasuk —

(a) sebarang tempoh sebaik sahaja kuasa digunakan bagi tujuan pesawat terbang itu berlepas dalam suatu penerbangan sehingga pada saat apabila jarak pendaratan (jika ada) berakhir pada tamatnya penerbangan itu; dan

(b) bagi maksud bab 5 —

- (i) sebarang tempoh lanjut sebaik sahaja semua pintu luar, jika ada, pesawat terbang itu ditutup setelah menaikinya untuk suatu penerbangan sehingga pada saat apabila pintu tersebut dibuka untuk turun selepas penerbangan itu; dan

- (ii) jika pesawat terbang itu membuat suatu pendaratan paksa, sebarang tempoh selepas itu sehingga masa apabila pihak berkuasa yang layak negara di mana pendaratan paksa itu dibuat mengambil alih tanggungjawab terhadap pesawat terbang tersebut dan orang-orang dan harta di dalam pesawat terbang tersebut (iaitu, jika pendaratan paksa itu dibuat di Negara Brunei Darussalam, masa apabila seseorang pegawai polis tiba di tempat pendaratan),

dan sebarang sebutan dalam Perintah ini kepada sesebuah pesawat terbang dalam penerbangan hendaklah dianggap termasuk suatu sebutan kepada sesebuah pesawat terbang dalam sebarang tempoh apabila pesawat terbang itu berada di atas permukaan laut atau darat tetapi tidak berada di dalam kawasan wilayah mana-mana negara.

(3) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, sebarang sebutan kepada sesebuah negara atau kawasan wilayahnya hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk suatu sebutan kepada perairan wilayah, jika ada, negara itu.

(4) Jika Menteri berpuas hati bahawa kehendak-kehendak Perkara 18 Konvensyen Tokyo telah dipenuhi (Perkara tersebut membuat peruntukan tentang negara yang akan disifatkan sebagai negara pendaftaran pesawat terbang yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan pengendali pengangkutan udara bersama atau agensi-agensi pengendali antarabangsa yang ditubuhkan oleh dua buah negara Konvensyen atau lebih) dia boleh, dengan kenyataan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, memperuntukkan bahawa bagi maksud-maksud Perintah ini pesawat terbang sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam kenyataan itu hendaklah disifatkan sebagai berdaftar di negara Konvensyen sebagaimana yang mungkin dinyatakan demikian.

#### **Pengenaaan undang-undang jenayah kepada pesawat terbang.**

3. (1) Sebarang perbuatan atau peninggalan yang berlaku di dalam sesebuah pesawat terbang kawalan Brunei semasa dalam penerbangan ke tempat lain dari di dalam atau di atas ruang udara Negara Brunei Darussalam yang, jika ia berlaku di Negara Brunei Darussalam, akan menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam, hendaklah menjadi kesalahan yang tersebut:

Dengan syarat bahawa ceraiian ini tidaklah boleh dikenakan kepada sebarang perbuatan atau peninggalan yang dibenarkan dengan nyata atau tersirat oleh atau di bawah undang-undang tersebut apabila berlaku di luar Negara Brunei Darussalam.

(2) Tiada pendakwaan atas sebarang kesalahan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam yang dilakukan di dalam

sesebuah pesawat terbang semasa dalam penerbangan ke tempat lain dari di dalam atau di atas ruang udara Negara Brunei Darussalam, selain dari suatu kesalahan di bawah Akta Perjalanan Udara (Penggali 113) atau sebarang undang-undang tambahan yang dibuat di bawahnya, boleh dimulakan di Negara Brunei Darussalam tanpa persetujuan bertulis daripada Pendakwa Raya.

(3) Ceraian (2) tidaklah boleh menghalang penangkapan atau pengeluaran suatu waran untuk menangkap, mana-mana orang berkaitan dengan sebarang kesalahan, atau menahan dalam kurungan atau dengan mengikat jamin mana-mana orang yang dituduh melakukan sebarang kesalahan.

(4) Bagi maksud memberi bidang kuasa, sebarang kesalahan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam yang dilakukan di dalam sesebuah pesawat terbang dalam penerbangan hendaklah dianggap telah dilakukan di Negara Brunei Darussalam.

#### **Peruntukan-peruntukan tentang extradisi.**

4. Bagi maksud-maksud pengenaan Akta Extradisi (Penggali 8) kepada jenayah-jenayah yang dilakukan di dalam sesebuah pesawat terbang dalam penerbangan, mana-mana pesawat terbang yang berdaftar di sesebuah negara Konvensyen hendaklah, pada bila-bila masa semasa pesawat terbang itu dalam penerbangan, dianggap berada dalam bidang kuasa negara itu, sama ada atau tidak ia juga pada masa itu berada dalam bidang kuasa mana-mana negara lain.

#### **Kuasa-kuasa komander pesawat terbang.**

5. (1) Ceraian-ceraian (2), (3), (4) dan (5) hendaklah berkuatkuasa bagi maksud-maksud sebarang prosiding di hadapan mana-mana mahkamah di Negara Brunei Darussalam.

(2) Jika komander sesebuah pesawat terbang dalam penerbangan, di mana sahaja pesawat terbang itu berada, mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai berkaitan dengan mana-mana orang di dalam pesawat terbang itu —

(a) bahawa orang itu telah melakukan atau hendak melakukan sebarang perbuatan di dalam pesawat terbang itu semasa ia dalam penerbangan yang membahayakan atau mungkin membahayakan —

(i) keselamatan pesawat terbang itu atau orang-orang atau harta di dalam pesawat terbang itu; atau

(ii) keadaan baik dan disiplin di dalam pesawat terbang itu; atau

(b) bahawa orang itu telah melakukan di dalam pesawat terbang tersebut semasa dalam penerbangan sebarang perbuatan yang pada pendapat komander merupakan suatu kesalahan yang berat di

bawah sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di negara di mana pesawat terbang itu didaftarkan, bukannya suatu undang-undang yang berunsur politik atau berdasarkan kepada diskriminasi bangsa atau ugama,

maka, tertakluk kepada ceraihan (4), komander boleh mengambil berkeñaan dengan orang itu langkah-langkah yang munasabah, termasuk menahan dirinya, sebagaimana yang mungkin perlu —

- (i) untuk melindungi keselamatan pesawat terbang itu atau orang-orang atau harta di dalam pesawat terbang itu;
- (ii) untuk memelihara keadaan baik dan disiplin di dalam pesawat terbang itu; dan
- (iii) untuk membolehkan komander menurunkan atau menyerahkan orang itu menurut ceraihan (5),

dan bagi maksud-maksud perenggan (b), mana-mana pesawat terbang kawalan Brunei hendaklah dianggap sebagai berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

(3) Mana-mana anggota krew sesebuah pesawat terbang dan mana-mana orang lain yang berada di dalam pesawat terbang itu boleh, atas permintaan atau dengan kebenaran komander pesawat terbang itu, dan mana-mana anggota atau orang lain itu hendaklah jika dikehendaki demikian oleh komander tersebut, memberi bantuan untuk menahan mana-mana orang yang komander berhak di bawah ceraihan (2) untuk menahannya; dan pada bila-bila masa apabila pesawat terbang itu dalam penerbangan mana-mana anggota atau orang lain itu boleh, tanpa kebenaran komander, mengambil berkeñaan dengan mana-mana orang yang berada di dalam pesawat terbang itu sebarang langkah yang disebutkan dalam ceraihan (2) yang dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai diperlukan dengan serta-merta bagi melindungi keselamatan pesawat terbang itu atau orang-orang atau harta di dalam pesawat terbang itu.

(4) Sebarang penahanan yang dikenakan kepada mana-mana orang yang berada di dalam sesebuah pesawat terbang di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab ini tidaklah boleh diteruskan selepas masa apabila pesawat terbang itu mula menghentikan penerbangan, melainkan jika sebelum atau dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan dengan munasabah selepas masa tersebut komander pesawat terbang itu menyebabkan supaya pemberitahuan tentang hakikat bahawa seseorang yang berada di dalam pesawat terbang itu ditahan dan tentang sebab-sebab penahanannya dihantar kepada pihak berkuasa yang layak negara di mana pesawat terbang itu menghentikan penerbangan, tetapi tertakluk kepada pemberitahuan itu boleh diteruskan selepas masa tersebut —

- (a) bagi sebarang tempoh (termasuk tempoh sebarang penerbangan lanjut) antara masa tersebut dan masa selepas itu bila komander dengan sebarang persetujuan yang dikehendaki daripada pihak

berkuasa tersebut mula dapat menurunkan atau menyerahkan orang yang ditahan itu menurut ceraiian (5); atau

(b) jika orang yang ditahan itu bersetuju untuk meneruskan perjalanannya di bawah penahanan di dalam pesawat terbang tersebut.

(5) Komander sesebuah pesawat terbang —

(a) jika dalam hal mana-mana orang yang berada di dalam pesawat terbang itu dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai —

(i) sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan (a) ceraiian (2); dan

(ii) bahawa adalah perlu untuk berbuat demikian bagi melindungi keselamatan pesawat terbang itu atau orang-orang atau harta di dalam pesawat terbang itu atau untuk memelihara keadaan baik dan disiplin di dalam pesawat terbang itu,

boleh menurunkan orang itu di mana-mana negara di mana sahaja pesawat terbang itu berada; dan

(b) jika dalam hal mana-mana orang yang berada di dalam pesawat terbang itu dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan (b) ceraiian (2), boleh menyerahkan orang itu —

(i) di Negara Brunei Darussalam, kepada seseorang pegawai polis atau pegawai imigresen; atau

(ii) di mana-mana negara lain yang merupakan negara Konvensyen, kepada seseorang yang mempunyai tugas-tugas yang sama dengan tugas-tugas seorang pegawai polis atau pegawai imigresen di Negara Brunei Darussalam.

(6) Komander sesebuah pesawat terbang —

(a) jika dia menurunkan mana-mana orang menurut perenggan (a) ceraiian (5), dalam hal sesebuah pesawat terbang kawalan Brunei, di mana-mana negara atau, dalam hal mana-mana pesawat terbang lain, di Negara Brunei Darussalam, hendaklah melaporkan hal tersebut, dan sebab-sebab orang itu turun kepada —

(i) pihak berkuasa yang layak negara menurunkan; dan

(ii) pejabat diplomatik atau konsul yang terdekat di negara kerakyatan orang itu;

(b) jika dia bercadang untuk menyerahkan mana-mana orang menurut perenggan (b) ceraiian (5) di Negara Brunei Darussalam atau, dalam hal sesebuah pesawat terbang kawalan Brunei, di mana-mana negara lain yang merupakan negara Konvensyen, hendaklah sebelum atau dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan dengan munasabah selepas pendaratan memberitahu mengenai niatnya dan sebab-sebabnya —

(i) jika negara yang berkenaan itu adalah Negara Brunei Darussalam, kepada seseorang pegawai polis atau pegawai imigresen atau, dalam hal mana-mana negara lain, kepada seseorang yang mempunyai tugas-tugas yang sama dengan tugas-tugas seorang pegawai polis atau pegawai imigresen di Negara Brunei Darussalam; dan

(ii) kepada pejabat diplomatik atau konsul yang terdekat di negara kerakyatan orang itu;

dan mana-mana komander sesebuah pesawat terbang yang tanpa sebab yang munasabah gagal mematuhi kehendak-kehendak ceraiian ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari sepuluh ribu ringgit.

**Peruntukan-peruntukan tentang keterangan berhubung dengan pesawat terbang.**

6. (1) Jika, dalam sebarang prosiding di hadapan sesebuah mahkamah di Negara Brunei Darussalam kerana suatu kesalahan yang dilakukan di dalam sesebuah pesawat terbang, keterangan mana-mana orang dikehendaki dan mahkamah tersebut berpuas hati bahawa orang itu tidak dapat dijumpai di Negara Brunei Darussalam, dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang lain, maka bolehlah diterima sebagai keterangan di hadapan mahkamah tersebut sebarang deposisi berkenaan dengan hal perkara prosiding itu yang dahulunya dibuat dengan mengangkat sumpah oleh orang itu yang telah dibuat —

(a) di Negara Brunei Darussalam, di hadapan seseorang majistret; atau

(b) di luar Negara Brunei Darussalam, di hadapan seseorang pegawai konsul atau seseorang pegawai kehakiman mana-mana negara asing.

(2) Sebarang deposisi tersebut hendaklah disahkan dengan tandatangan majistret, pegawai konsul atau pegawai kehakiman yang di hadapannya deposisi itu dibuat yang akan memperakui sama ada orang yang dituduh melakukan kesalahan itu hadir semasa deposisi itu dibuat.

(3) Adalah tidak perlu dalam sebarang prosiding untuk membuktikan tandatangan atau watak rasmi orang yang ternyata telah mengesahkan sebarang deposisi tersebut atau telah memberi sebarang perakuan tersebut, dan perakuan tersebut adalah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, keterangan yang mencukupi dalam sebarang prosiding sama ada orang yang dituduh melakukan kesalahan itu hadir semasa deposisi itu dibuat.

(4) Jika suatu aduan dibuat kepada seseorang pegawai konsul bahawa sebarang kesalahan telah dilakukan di dalam sesebuah pesawat terbang kawalan Brunei semasa dalam penerbangan ke tempat lain dari di dalam atau di atas ruang udara Negara Brunei Darussalam, pegawai tersebut boleh menyiasat mengenai kes itu dengan mengangkat sumpah.

(5) Dalam bab ini —

"deposisi" termasuk sebarang afdavit, ikrar atau pernyataan yang dibuat dengan mengangkat sumpah,

dan tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menjejaskan penerimaan sebagai keterangan sebarang deposisi yang boleh diterima sebagai keterangan selain dari bab ini.

**Peraturan-peraturan.**

7. Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang mungkin pada pendapatnya diperlukan atau mustahak untuk menjalankan atau menguatkuasakan Perintah ini.

**Pindaan Penggal 113.**

8. Jadual kepada Akta Perjalanan Udara adalah dipinda dengan memotong yang berikut —

"S1 1968 No. 1864	The Tokyo Convention Act 1967 (Overseas Territories) Order, 1968.	The whole	— .".
----------------------	---	-----------	-------



12hb. JUN, 2000

---

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 24 haribulan Mei, 2000 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**